



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

ARAHAN DAN SYARAT KEPADA PEMOHON

**PERMOHONAN SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN
PELAKSANAAN
PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI (PJRM) PERINGKAT
PUTRAJAYA BAGI BULAN MEI HINGGA DISEMBER 2025**

PERINGATAN PENTING:

**PEMOHON DIKEHENDAKI MEMBACA DENGAN TELITI DAN MEMAHAMI
KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN INI**

ARAHAN DAN SYARAT KEPADA PEMOHON

**BAGI PERMOHONAN SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
PELAKSANAAN
PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI (PJRM) PERINGKAT PUTRAJAYA BAGI
BULAN MEI HINGGA DISEMBER 2025**

Pemohon dikehendaki mematuhi sepenuhnya Arahan Dan Syarat Kepada Pemohon bagi Permohonan Sebut Harga Perkhidmatan Pelaksanaan Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) Peringkat Putrajaya Bagi Bulan Mei hingga Disember 2025. **KEGAGALAN MEMATUHI** mana-mana arahan atau syarat yang dinyatakan boleh menyebabkan **PERMOHONAN DITOLAK**.

1. Kelayakan Pemohon

- (i) Pemohon adalah **Syarikat Tempatan** yang berdaftar, bertapak dan menjalankan perniagaan di Malaysia.
- (ii) Pemohon perlu mahir dengan pengurusan dalam perkhidmatan yang perlu dijalankan.
- (iii) Pemohon mempunyai kemudahan pelaksanaan dan tenaga kerja yang mencukupi untuk melaksanakan perkhidmatan.
- (iv) Keutamaan diberikan kepada Syarikat Bumiputera.
- (v) Memiliki Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat berserta wajib dua **Kod Bidang (221305 / 222009 / 222010 / 221615)** di Bawah Kementerian Kewangan Malaysia

2. Tempoh Pelawaan dan Penghantaran Kertas Cadangan 'RFP'

Borang Permohonan yang telah lengkap dan ditandatangani hendaklah dihantar secara **EMEL** tidak lewat jam **12.00 tengah hari** pada **23 Mei 2025 (Jumaat)**. Tiada apa-apa jua perbelanjaan yang ditanggung oleh Pemohon bagi menyediakan permohonan boleh dituntut daripada pihak Kerajaan.

Dokumen hendaklah dikemukakan secara **EMEL** ke alamat emel Sekretariat Jualan RAHMAH MADANI di jualanrahmah@kpdn.gov.my.

3. Skop Perkhidmatan

Skop perkhidmatan bagi Perkhidmatan Pelaksanaan Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) Peringkat Putrajaya Bagi Bulan Mei Hingga Disember 2025 adalah seperti berikut:

Perkhidmatan pelaksanaan PJRM ini melibatkan **2 sebut harga dan 2 lokasi** iaitu:

1. Bangunan KPDN, Presint 2, Putrajaya
2. Luar Kawasan Bangunan KPDN yang melibatkan salah satu model konsep berdasarkan lokasi yang persetujuan oleh Sekretariat PJRM.

1. CADANGAN KOS LOGISTIK PELAKSANAAN PJRM DI BANGUNAN KPDN

BIL.	MODEL PELAKSANAAN	PERKARA	PERINCIAN
1.	Kos pemasangan wayar elektrik bagi keperluan rakan strategik PJRM	<ul style="list-style-type: none"> • Distribution Board 32 AMP / 415V 3 Phase + 5 Core Cable 20M • 13 Mist Fan • 14 Plug point • 2 buah barricade • Kos logistik • Kos upah <i>technical crew</i> 	Keperluan dalam tempoh 3 hari program
2.	Kos Keselamatan	Bayaran kepada RELA (kawalan trafik saranan daripada Perbadanan)	4 orang X 3 hari
3.	Lain-lain keperluan program	Bahan promosi PJRM (Stand name rakan strategik)	
Jumlah (RM) x 1 program			
Jumlah Keseluruhan (RM) x 8 program			

**2. CADANGAN KOS LOGISTIK PELAKSANAAN PJRM SEMPENA BULAN
KEBANGSAAN PERINGKAT PARLIMEN PUTRAJAYA 2025
(1 KALI PELAKSANAAN SECARA LUAR PREMIS)**

MODEL KONSEP 1.

BIL.	MODEL PELAKSANAAN	PERKARA
1.	Kos Pemasangan Tapak Berkecuali Sekitar Putrajaya Nota : - - <ul style="list-style-type: none"> • Pemasangan jenis khemah bergantung kepada kelulusan dan keluasan tapak yang disediakan oleh pihak penganjur • Program akan dilaksanakan selama 4 hari 	2 Marquee Tent Bersaiz 40' X 100' <ul style="list-style-type: none"> • Meja • Alas Meja Skirting • Kerusi • Lampu • Kipas • Plug Point 15 Amp • Karpit Needle Punch • Platform • <i>Fasia Name, Shell Scheme</i> dan kelengkap lengkap bagi rakan strategik • Man power standby • Arch PJRM (22 ft X 12 ft) dan Belon Udara PJRM • Gen Set 100 KVA (Termasuk Lesen Tenaga Daripada Suruhanjaya Tenaga Malaysia) • Public Liability Insurance
2.		Majlis Perasmian untuk 150 pax <ul style="list-style-type: none"> • Mini Pentas dgn PA System • Gimik perasmian • Sewa kerusi dan meja • Rostrum
3.		Publisiti & Promosi <ul style="list-style-type: none"> • Kad harga • Banner • Bunting • Belon • Poster • Lesen perbadanan berkaitan bahan promosi
4.		Lain- lain keperluan program <ul style="list-style-type: none"> • Pembersihan (sewaan roro, sewaan tong sampah, upah petugas pembersihan untuk 3 hari) • Bantuan RELA (4 orang untuk 5 hari) • Sewaan <i>ambulance</i> dan petugas pegawai Kesihatan dengan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia Putrajaya (hari perasmian) • DJ sepanjang program untuk 4 hari • Sewaan genset bagi <i>Food Truck</i> PJRM untuk 4 hari (jika ada) • Sewaan tandas bergerak dalam 5 unit untuk 4 hari
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		

MODEL KONSEP 2.

BIL.	MODEL PELAKSANAAN	PERKARA
1.	<p>Kos Pemasangan Tapak Berkecuali Sekitar Putrajaya</p> <p>Nota : - -</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemasangan jenis khemah bergantung kepada kelulusan dan keluasan tapak yang disediakan oleh pihak penganjur • Program akan dilaksanakan selama 4 hari 	<p>16 buah khemah saiz 20ft X 20ft yang lengkap</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meja • Alas Meja Skirting • Kerusi • Lampu • Kipas • Plug Point 15 Amp • Karpet Needle Punch • Platform • <i>Fasia Name, Shell Scheme</i> dan kelengkap lengkap bagi rakan strategik • Man power standby • Arch PJRM dan Belon Udara PJRM • Gen Set 100 Kva (Termasuk Lesen Tenaga Daripada Suruhanjaya Tenaga Malaysia) • Public Liability Insurance
2.		<p>Majlis Perasmian untuk 150 pax</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mini Pentas • Gimik perasmian • Sewa kerusi dan meja
3.		<p>Publisiti & Promosi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kad harga • Banner • Bunting • Belon • Poster • Lesen perbadanan berkaitan bahan promosi
4.		<p>Lain- lain keperluan program</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembersihan (sewaan roro, sewaan tong sampah, upah petugas pembersihan untuk 4 hari) • Bantuan RELA (4 orang untuk 5 hari) • Sewaan <i>ambulance</i> dan petugas pegawai Kesihatan dengan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia Putrajaya (hari perasmian) • DJ sepanjang program untuk 4 hari • Sewaan genset bagi <i>Food Truck</i> PJRM untuk 4 hari (jika ada) • Sewaan tandas bergerak dalam 5 unit untuk 4 hari

MODEL KONSEP 3.

BIL.	MODEL PELAKSANAAN	PERKARA
1.	<p>Kos Pemasangan Tapak Berkecuali Sekitar Putrajaya</p> <p>Nota : - -</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemasangan jenis khemah bergantung kepada kelulusan dan keluasan tapak yang disediakan oleh pihak penganjur • Program akan dilaksanakan selama 4 hari 	<p>Sewa dewan dan majlis perasmian dan bayaran berkaitan lesen sewaan dengan perbadanan</p>
2.		<p>Majlis Perasmian untuk 150 pax</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sewaan Pentas Mini berserta PA system • Gimik perasmian • Lighting System • <i>Fasia Name, Shell Scheme</i> dan kelengkap lengkap bagi rakan strategik • Man power standby • Arch PJRM MEGA dan Belon Udara PJRM • Public Liability Insurance
3.		<p>Publisiti & Promosi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kad harga • Banner • Bunting • Belon • Poster • Lesen perbadanan berkaitan bahan promosi
4.		<p>Lain- lain keperluan program</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembersihan (sewaan roro, sewaan tong sampah, upah petugas pembersihan untuk 4 hari) • Bantuan RELA (4 orang untuk 5 hari) • Sewaan <i>ambulance</i> dan petugas pegawai Kesihatan dengan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia Putrajaya (hari perasmian) • DJ sepanjang program untuk 4 hari • Sewaan genset bagi <i>Food Truck</i> PJRM untuk 4 hari (jika berkaitan) • Sewaan tandas bergerak dalam 5 unit untuk 4 Hari (jika berkaitan)

4. Anggaran Peruntukan Kementerian

Anggaran peruntukan Kementerian bagi Perkhidmatan Pelaksanaan Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) Peringkat Putrajaya Bagi Bulan Mei hingga Disember 2025 adalah seperti berikut:

SKOP YANG DIMOHON	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)
Perkhidmatan Pelaksanaan Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) Peringkat Putrajaya Bagi Bulan Mei hingga Disember 2025	RM 430,000.00

*Anggaran peruntukan ini merangkumi kos Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dan cukai yang berkaitan e-invois (jika berkaitan)

5. Dokumen Permohonan

a) Panduan Pengisian Borang Permohonan

- (i) Pemohon hendaklah melengkapkan Borang Permohonan mengikut format yang telah ditetapkan;
- (ii) Borang Permohonan hendaklah dilengkapkan dengan kemas dan jelas serta menggunakan pen berdakwa hitam dan ditulis dengan huruf besar (*capital letter*) atau ditaip;
- (iii) Borang Permohonan dan dokumen-dokumen yang disertakan bersama hendaklah dilampirkan bersama di dalam satu (1) emel; dan
- (iv) KPDN berhak untuk menolak sebarang Borang Permohonan yang tidak mengikut panduan yang telah ditetapkan.

b) Senarai Dokumen yang perlu dikemukakan oleh Pemohon

DOKUMEN	BIL	SENARAI DOKUMEN
Dokumen Wajib	1	BORANG PERMOHONAN (i) Bahagian 1 : Profil Syarikat (ii) Bahagian 2 : Pengalaman Syarikat (iii) Bahagian 3 : Tawaran Harga (iv) Senarai Semak

	2	<p>SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PELAKSANAAN PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI (PJRM) PERINGKAT PUTRAJAYA BAGI BULAN MEI HINGGA DISEMBER 2025</p> <p>Sebut harga merangkumi contoh cadangan grafik, keperluan dan butiran harga bagi keseluruhan pelaksanaan</p>
	3	<p>SALINAN DOKUMEN PENDAFTARAN SYARIKAT/ PERNIAGAAN YANG BERDAFTAR DI BAWAH SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)</p> <p>Salinan dokumen ini mestilah masih sah laku (<i>valid</i>) sewaktu pepeyediaan bahan promosi</p>
	4	<p>SALINAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BERSERTA KOD BIDANG DI BAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA</p> <p>Salinan dokumen ini mestilah masih sah laku (<i>valid</i>) sewaktu pelaksanaan program.</p> <p>Kod Bidang : Wajib dua dari Kod Bidang 221305/ 222009 / 222010 / 221615</p>
	5	<p>SALINAN PENYATA BANK</p> <p>Salinan Rasmi Penyata Bank (janaan mesin ATM atau CDM tidak diterima) untuk tiga (3) bulan terkini</p>

c) Tatacara Penghantaran Borang Permohonan

- (i) Borang Permohonan yang dikemukakan perlu dicetak di atas kertas berwarna putih, bersaiz A4, diimbas dan dihantar menggunakan format *portable document format* (pdf).
- (ii) Sebut Harga yang dikemukakan perlu menggunakan format *portable document format* (pdf) sahaja.

- (iii) Sekiranya dokumen yang dihantar melebihi kouta saiz yang dibenarkan, pemohon boleh mengemukakan pautan muat turun dokumen di dalam emel yang sama.

6. Tempoh Sah Laku Tawaran

- 6.1 Tempoh sah laku tawaran pemohon hendaklah 180 hari daripada tarikh tutup iklan.
- 6.2 Mana-mana pemohon yang mengemukakan tempoh sah laku harga kurang daripada masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

7. Surat Lantikan dan Surat Setuju Terima

Kerajaan akan mengeluarkan Surat Lantikan dan Surat Setuju Terima (SST) kepada Pemohon yang berjaya dan SST tersebut perlulah dikembalikan kepada Kementerian dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh ianya dikeluarkan oleh Kementerian.

8. Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah

- 8.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].
- 8.2 Pemohon yang didapati mengemukakan maklumat atau dokumen palsu bagi menyertai Sebut Harga ini adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].
- 8.3 Mana-mana kontraktor atau Pemohon yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada sebarang barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].
- 8.4 Pemohon yang berminat menyertai Sebut Harga ini perlu mematuhi PK 1.6 (Integriti dalam Perolehan Kerajaan) dan PK 8 (Tindakan Tatatertib Ke Atas Syarikat Dalam Perolehan Kerajaan).

9. Maklumat Tambahan

Sebarang keperluan maklumat tambahan mengenai permohonan ini boleh dirujuk kepada:

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup,
Bahagian Pembangunan Perniagaan,
Aras 5 (Menara), No 13, Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya**

Untuk Perhatian:

a. Sekretariat Jualan RAHMAH MADANI

Email: jualanrahmah@kpdn.gov.my

b. Encik Wong Lih Yen

No. Tel : 03-8882 6324

Emel : wongly@kpdn.gov.my

c. Encik Nur Akmal bin Abdul Hamid

No. Tel : 03-8882 6323

Email : nurakmal.abdulhamid@kpdn.gov.my

d. Cik Faridah binti Abas

No. Tel : 03-8882 6971

Emel : faridahabas@kpdn.gov.my

7 Mei 2025
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup (KPDN)